

**TOKOH-TOKOH SEJARAH YANG NAMANYA DIABADIKAN
PADA NAMA-NAMA JALAN DI BANDAR SEREMBAN.**

**RIWAYAT HIDUP DULI YANG MAHA MULIA YANG DIPERTUAN
BESAR NEGERI SEMBILAN YANG KE 9 ALMARHUM TUANKU
MUNAWIR IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN**

Oleh:

Norzainun bte Hanafi
Kharthugesan a/l Shanmugam
Siti Darsinah bte Mohd Nor
Lazimah bte Omar

Sek. Men. Dato' Sheikh Ahmad Seremban.

D.Y.M.M. Tuanku Munawir Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, D.M.N., S.M.N., D.K. (Brunei), S.P.M.B., Putera Sulong dan cucuanda kepada Almarhum Tuanku Muhammad telah dilahirkan di Istana Lama, Seri Menanti, Negeri Sembilan pada 29 Mac 1922.

Baginda mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Sri Menanti dari tahun 1928 hingga 1933 dan melanjutkan pelajaran di peringkat Menengah dengan memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak pada 7 Februari, 1933 hingga ke tahun 1936. Oleh kerana ingin mendapatkan pendidikan di negeri asal, baginda memasuki Sekolah Menengah King George ke Lima, Seremban. Baginda Tuanku Munawir amat aktif di dalam bidang sukan. Ini diketahui dari kecenderungan dan kesungguhan baginda mewakili pasukan sekolahnya di dalam permainan hoki dan kriket.

Tuanku Munawir telah dikurniakan gelaran Tuanku Muda Serting pada 6 Julai 1934. Baginda telah mengiringi Almarhum Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan ke Lapan, iaitu Tuanku Abdul Rahman, ayahanda baginda sendiri ke Siam (sekarang dikenali sebagai Thailand). Pada 1 Januari, 1940, baginda Tuanku Munawir menamatkan zaman bujang baginda dengan mengahwini Tunku Durah, Puteri Tuanku Besar Burhanuddin. Hasil dari perkahwinan baginda itu, baginda telah dikurniakan seorang putera dan tiga orang puteri. Pada 28 Ogos 1947, baginda telah berangkat ke United Kingdom untuk meneruskan pelajaran baginda selama setahun di School of Oriental Studies. Selepas pulang dari United Kingdom selama dua tahun, baginda telah memulakan perkhidmatan di Pejabat Tanah, Seremban iaitu pada 1949. Pada awal April 1952 pula Tuanku Munawir telah menjadi anggota pasukan kawalan kampung di Daerah Kuala Pilah.

Tuanku Munawir telah dilantik menjadi Pemangku Yang Di Pertuan Besar Negeri

Sembilan buat pertama kalinya pada 31 Ogos, 1954. Ini adalah kerana Almarhum Tuanku Abdul Rahman Yang Di Pertuan Besar ketika itu telah berangkat ke England sehinggalah 23 November 1954. Dari 1 April 1955, Tuanku Munawir telah memegang jawatan Pegawai Pasukan kawalan kampung di Daerah Tampin dan kemudiannya telah ditukarkan ke Daerah Kuala Pilah pada bulan Ogos di tahun yang sama. Almarhum Tuanku Abdul Rahman telah dilantik dan diangkat menjadi Yang Di Pertuan Agong yang pertama di Persekutuan Tanah Melayu pada 3 Ogos, 1957. Maka baginda Tuanku Munawir sekali lagi dilantik menjadi Pemangku Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Antara darjat yang telah dikurniakan kepada baginda Tuanku Munawir adalah Seri Mahara Mangku Negara (S.M.N.) pada 31 Ogos 1958, Dato' Seri Paduka Darjah Mahkota Brunei (S.P.M.B.) pada 23 September 1958 (semasa istiadat pembukaan Masjid Brunei).

Pada 5 April, 1960, Tuanku Munawir Ibni Tuanku Abdul Rahman telah diisytiharkan menjadi Yang Di Pertuan Negeri Sembilan yang ke 9. Di hari pertabalan baginda itu, baginda dikurniakan Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) iaitu pada 17 April 1961. Juga pada bulan Oktober, 1961, baginda Tuanku Munawir telah dikurniakan D.K. (Brunei).

Sewaktu pemerintahan Tuanku Munawir tiada banyak perubahan dapat dirasakan di Negeri Sembilan. Ini adalah kerana baginda memerintah di dalam keadaan yang agak uzur. Pada tahun 1967, baginda Tuanku Munawir Ibni Tuanku Abdul Rahman, Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke 9 mangkat di Istana Hinggap, Seremban, Negeri Sembilan.

Walaupun zaman pemerintahan baginda tidak lama tetapi bakti dan sumbangan baginda amat dihargai penglibatan dalam pentadbiran Kerajaan dan juga dalam kegiatan sosial, Negeri Sembilan mula melangkah maju pada awal 60an. Walaupun diasuh dalam suasana istana, ciri-ciri pemimpin yang ingin mendampingi rakyat dapat dilihat semasa baginda menjadi anggota kawalan kampung di Kuala Pilah dan Tampin. Semoga Allah mencururi rahmat ke atas roh baginda.